



Kepada:

Semua Anggota Koperasi,

Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK) BAGI TEMPOH 2025 HINGGA 2028 PADA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 70**

Selaras dengan arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melalui surat bertarikh 19 Februari 2010, semua pemilihan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) adalah tertakluk kepada Subseksyen 43(2) Dan (3) Akta Koperasi 1993 yang mengkehendaki calon-calon ALK melalui proses pencalonan dan tapisan SKM terlebih dahulu sebelum boleh dipilih oleh anggota-anggota dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi.

Tiga orang dari Anggota Lembaga Koperasi yang akan gugur mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke 70 adalah seperti berikut:-

1. Haji Anuar bin Ibrahim
2. Haji Munir bin Badrul Jamil
3. Haji Shahbani bin Ibrahim

Menurut Undang-Undang Kecil 35, tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia —

- a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;
- e) belum genap tempoh lima tahun menjadi anggota.

Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pemilihan untuk menjadi ALK, anggota yang ingin membuat pencalonan perlu mengisi Borang Pencalonan yang boleh diperolehi di pejabat Koperasi. Borang tersebut yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada Setiausaha **sebelum atau pada hari Khamis 13 Februari 2025**. Borang Pencalonan yang diterima lewat daripada tarikh tersebut akan dibatalkan pencalonannya.

Sekian, harap maklum.

Dengan Perintah Lembaga,

.....  
(ZABIDI BIN AHMAD)

Setiausaha

Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan

Negeri Kedah Darul Aman Berhad

s.k. Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Negeri Kedah  
Aras 1, Zon B, Wisma Persekutuan,  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
Bandar Mu'adzam Shah,  
06550 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman.